

T3 ADA GEL

Adapalene (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan T3 Ada Gel
2. Bagaimana T3 Ada Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan T3 Ada Gel
4. Cara menggunakan T3 Ada Gel
5. Semasa menggunakan T3 Ada Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan T3 Ada Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang T3 Ada Gel. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang sedia ada.

Risalah ini tidak mengambil tempat atau nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda terhadap manfaat yang diharapkan daripada menggunakan ubat ini.

Simpan risalah ini dengan ubat.

Anda mungkin ingin membaca lagi.

Apakah kegunaan T3 Ada Gel

T3 ADA GEL digunakan untuk rawatan jerawat di mana kebanyakannya bintik hitam, bintik putih, keradangan dan bernanah.

Bagaimana T3 Ada Gel berfungsi

T3 Ada Gel mengandungi bahan aktif Adapalene yang bertindak terhadap proses kulit tidak normal yang dikaitkan dengan jerawat.

Sebelum menggunakan T3 ADA GEL W/W

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda sensitif kepada Adapalene atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda:

- Jika anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan yang dijangkiti.
- Keadaan perubatan anda atau alergi yang mungkin anda ada, dan apa-apa fakta penting mengenai kesihatan anda.
- Penggunaan pada kanak-kanak: Keselamatan dan keberkesanannya pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak diketahui.

-Kehamilan dan menyusuan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil, bercadang untuk hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan dan produk kulit lain yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan yang dipreskripsi dan tanpa preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik.

Produk yang mempunyai kepekatan alkohol yang tinggi, rempah-ratus atau kulit limau nipis perlu digunakan dengan berhati-hati.

Perhatian tertentu harus dilakukan dengan penggunaan produk yang mengandungi sulfur, resorcinol, atau salicylic acid bersama dengan T3 Ada Gel.

Cara mennggunakan T3 ADA GEL

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan luar sahaja.

Sapukan lapisan nipis sekali sehari untuk kawasan kulit yang terjejas.

Ikut semua arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berlainan dengan informasi dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi untuk membantu anda.

-Bila perlu digunakan

Gunakan selepas mencuci muka sebelum tidur malam.

-Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan T3 Ada Gel selagi doktor anda mencadangkan.

Jika anda tidak pasti berapa lama anda perlu menggunakan T3 Ada Gel, periksa dengan doktor anda. Jika masalah kulit anda tidak bertambah baik selepas rawatan, hubungi doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian kembali ke jadual biasa anda. Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas, dan terus dengan jadual biasa anda. Jangan menggunakan dos berganda bagi menggantikan dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

T3 ADA GEL

Adapalene (0.1% w/w)

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya ubat digunakan secara berlebihan, tanda kemerahan, mengelupas, atau ketidakselesaan kulit mungkin berlaku.

Jika, anda terguna lebih daripada yang anda perlu, jangan bimbang. Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia boleh membuat anda tidak sihat. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan T3 ADA GEL

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda ingin memulakan pengambilan apa-apa ubat-ubatan baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda menggunakan T3 Ada Gel.

Elakkan mata, bibir dan membran mukus.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan T3 Ada Gel kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan gunakan pembersih berubat atau menghakis, astringen atau agen pengeringan atau produk perengsa yang kuat. Hanya pelembab bebas minyak boleh digunakan untuk melegakan kulit muka kering.

Jangan gunakan pada luka kulit, kulit ekzema, atau kulit terbakar akibat selaran matahari.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

T3 Ada Gel boleh digunakan semasa mengandung dan penyusuan hanya jika sangat diperlukan.

Hentikan penggunaan dan berunding dengan doktor jika anda sensitif atau mengalami kerengsaan.

Kurangkan pendedahan kepada cahaya matahari, termasuk cahaya lampu semasa penggunaan adapalene.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, T3 Ada Gel boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Jika ia berlaku, kebanyakannya adalah ringan dan sementara. Walau bagaimanapun, sesetengah mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

T3 Ada Gel boleh menyebabkan rasa hangat, kegatalan, kekeringan, pengelupasan, iritasi kulit, pedih/menyengat, kemerahan, kulit terbakar dan menerukkan jerawat. Kesan-sesan paling biasa berlaku semasa bulan pertama rawatan dan akan berkurangan dengan penggunaan berterusan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan T3 ADA GEL

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30° C.
Tutup dengan rapat.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

Gel likat putih kekuningan legap yang berbau tertentu, dalam 25g tiub aluminium.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:
Adapalene 0.1% w/w

-Bahan-bahan tidak aktif:
Sodium Hydroxide, Methylparaben, Allantoin, Disodium Edetate, Polyethylene Glycol 400, Butylene Glycol, Phenoxyethanol, Glycerin, Carbomer dan Purified Water.

-MAL number: MAL09122819AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
24/09/2018

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)200918/00268